

TARIKH	ISNIN, 22 APRIL 2024
AKHBAR	UTUSAN MALAYSIA
TAJUK ARTIKEL	GAJI PENJAWAT AWAM: ADA SESUATU YANG POSITIF – KSN
M/S	3
BIDANG	CIVIL SERVICE
KATA KUNCI	CIVIL SERVICE

Gaji penjawat awam: Ada sesuatu yang positif – KSN

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhi.sulaiman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan memberi jaminan ada sesuatu yang positif dan menggembirakan dalam penambahbaikan struktur gaji baharu penjawat awam yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim sempena Hari Pekerja pada 1 Mei ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Zuki Ali berkata, ini berikutan kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) sudah dimuktamadkan yang akan menyaksikan pelbagai perubahan dalam gaji penjawat awam.

Sehubungan itu, beliau mahu

pihak tertentu yang menuntut beberapa penambahbaikan supaya menunggu sehingga bulan depan kerana beliau percaya, penambahbaikan itu baik untuk semua pihak.

“Insya-Allah, ada sesuatu yang positif untuk penjawat awam. Tetapi, saya tidak mahu mengulas lebih lanjut kerana tidak mahu mendahului Perdana Menteri yang akan membuat pengumuman ini.

“Apapun, ia sudah dimuktamad dan ia bagi saya adalah positif. Jadi, kena tunggu Perdana Menteri,” katanya ringkas ketika dihubungi semalam.

Pada Jumaat lalu, Anwar selepas mempengerusi Mesyuarat Jawatankuasa Induk Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (JIKSPA) Bilangan 3 Tahun 2024

memberitahu, cadangan penambahbaikan termasuk usaha meningkatkan kadar pendapatan bersih penjawat awam yang akan diumumkan pada 1 Mei ini.

“Saya ingin tegaskan komitmen kerajaan untuk menyelesaikan usaha menambah baik struktur gaji penjawat awam yang dilaksanakan menerusi Kajian SSPA, di sebalik ekonomi negara yang mencabar kesan ketidakpastian geopolitik dunia,” katanya.

SSPA yang baharu itu sebelum ini dijangka diumumkan sebelum akhir tahun ini, selepas 10 tahun gaji kakitangan kerajaan tidak dinaikkan yang mendorong pelbagai pihak terutama kesatuan perkhidmatan awam supaya kerajaan membuat pembaharuan.

Anwar ketika membentangkan Belanjawan 2024 di Parlimen pada 13 Oktober tahun lalu dilaporkan mengumumkan pelaksanaan penuh SSPA akan dibuat bermula 2025.

Mingguan Malaysia semalam melaporkan, kenaikan gaji minimum penjawat awam sehingga RM1,800 merupakan antara harapan utama Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) dalam pengumuman perdana menteri tidak lama lagi.

Selain tuntutan gaji minimum RM1,800, CUEPACS sebelum ini merayu kerajaan melaksana segera tuntutan menaikkan dua tahap Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) dan sistem saraan baharu menggantikan Sistem Saraan Malaysia (SSM).

DISEDIAKAN
OLEH

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM